



TH MELANCARKAN PELAN PERSEDIAAN HAJI - SERUAN ISTITO'AH BAGI MEMBANTU BAKAL JEMAAH MALAYSIA MENCAPAI IMPIAN MENUNAIKAN HAJI

- **Pelan Persediaan Haji - Seruan Istito'ah** yang menyediakan laluan persediaan Haji sistematik untuk pendeposit bersedia awal secara terancang
- **Giliran Haji secara automatik** kepada pendeposit yang layak
- **Baki simpanan minimum RM15,000** melayakkan pendeposit mendapat giliran Haji secara automatik
- **Pendeposit yang telah mendaftar Haji diberi lebih dua (2) tahun sehingga 31 Disember 2028** untuk membuat persediaan dan mencapai sasaran simpanan Haji secara berperingkat

KUALA LUMPUR, 11 SEPTEMBER 2026 - Lembaga Tabung Haji (TH) hari ini memperkenalkan Pelan Persediaan Haji - Seruan Istito'ah, satu langkah penting bagi membantu rakyat Malaysia membuat persediaan menunaikan ibadah Haji secara lebih sistematik, mudah dan dapat direalisasikan.

Selepas kempen nasional **#menujuistitoah** yang dilaksanakan pada awal tahun ini, inisiatif ini memberi fokus kepada usaha menggalakkan pendeposit untuk bermula lebih awal, menyimpan secara konsisten dan membuat persediaan yang lebih rapi, seterusnya membantu mereka merealisasikan hasrat menunaikan Haji dalam tempoh yang lebih munasabah.

Antara cabaran utama yang dikenal pasti adalah secara purata hampir 50 peratus pendeposit yang menerima surat tawaran Haji terpaksa menangguhkan hasrat mereka. Pada masa yang sama, kos menunaikan Haji kini telah mencecah RM33,300 seorang, menjadikan simpanan secukupnya sebagai petunjuk utama tahap kemampuan dan persediaan. Keperluan baki simpanan minimum RM15,000 yang mula diperkenalkan pada tahun 2025 sebagai syarat menerima surat tawaran Haji telah menunjukkan keberkesanan apabila kadar penangguhan berjaya dikurangkan kepada 18 peratus, berbanding purata 50 peratus pada tahun-tahun sebelumnya.



Sehubungan itu, antara ciri utama pelan ini ialah pelaksanaan **sistem kelayakan Haji yang lebih sistematik dan dinamik**, yang menggantikan proses pendaftaran serta pengurusan giliran sedia ada, tanpa menjejaskan prinsip siapa dahulu, didahulukan (*First-Come, First-Served*). Di bawah pendekatan baharu ini, pendeposit akan layak secara automatik untuk berada dalam giliran Haji sebaik sahaja simpanan mereka mencapai RM15,000, iaitu jumlah minimum bayaran Haji semasa bagi kumpulan B40.

Bagi pendeposit yang telah berdaftar, mereka diberi tempoh lebih dua (2) tahun sehingga 31 Disember 2028 untuk mencapai sasaran simpanan minimum RM15,000. Bermula 1 Januari 2029, giliran Haji akan disusun semula secara sistematik dan automatik berdasarkan tarikh pendaftaran serta pencapaian baki simpanan minimum RM15,000. Pendekatan Ini mewujudkan proses yang lebih mudah, adil dan lancar, di samping mengiktiraf usaha pendeposit yang membuat persediaan secara konsisten. Ia juga selaras dengan syor Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi memperkukuh tadbir urus dan memastikan pengurusan giliran haji yang lebih telus, adil dan mampan.

Menurut Pengerusi **TH**, Tan Sri Abdul Rashid Hussain, "Kami telah mendengar maklum balas daripada pendeposit di seluruh negara. Ramai yang mahukan garis panduan yang lebih jelas dan laluan persediaan yang lebih tersusun. Inisiatif ini adalah untuk membantu umat Islam di Malaysia menterjemahkan niat kepada tindakan. Mereka yang menyimpan secara konsisten dan membuat perancangan awal bersama kami akan berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk merealisasikan impian menunaikan Haji."

Sebagai rukun Islam kelima, ibadah Haji bukan sahaja memerlukan niat, tetapi persediaan dari segi kewangan, fizikal dan rohani agar ibadah dapat dilaksanakan dalam keadaan selamat dan sejahtera. Inilah yang dimaksudkan dengan Istito'ah.

Dalam dunia hari ini, langkah ini semakin penting apabila permintaan terhadap Haji terus meningkat, sekali gus memerlukan disiplin serta perancangan jangka panjang yang lebih teliti.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH**, Mustakim Mohamad, berkata Pelan Persediaan Haji - Seruan Istito'ah dirangka bagi membantu proses persediaan lebih jelas dan boleh dicapai secara sistematik oleh seluruh umat Islam di



Malaysia yang beriltizam untuk menunaikan Haji. Ini adalah antara usaha menyediakan panduan perjalanan haji yang jelas kepada pendeposit. Apabila seseorang mengetahui jumlah simpanan yang perlu dicapai dan bermula lebih awal, persediaan Haji menjadi lebih mudah, lancar dan dapat direalisasi.

“Seruan Istito'ah mengenal pasti mereka yang benar-benar bersedia, sambil menggalakkan yang lain untuk memulakan perancangan lebih awal. Matlamat kami adalah untuk membantu lebih ramai umat Islam Malaysia merealisasikan perjalanan seumur hidup ini melalui persediaan yang tersusun dan terancang bersama Tabung Haji sebagai institusi simpanan Islam pilihan,” jelas beliau.

“Bagi menyokong usaha ini, **TH** telah memperkenalkan beberapa kemudahan seperti Kalkulator Simpanan Haji menerusi laman web baharu kami pada awal tahun ini untuk membantu individu merancang simpanan bulanan berdasarkan tempoh dan sasaran simpanan masing-masing. Kini, mulai 19 September 2026, kami memperkenalkan Tabung Istito'ah bagi membantu rakyat Malaysia membentuk disiplin simpanan secara lebih sistematik dan berfokus,” katanya.

Menurut Mustakim, bagi menggalakkan budaya simpanan yang lebih terancang, **TH** akan memperkenalkan kemudahan Multi Tabung, yang membolehkan pendeposit mempunyai dua tabung dalam satu akaun **TH**, iaitu Tabung Am dan Tabung Istito'ah. Tabung Am adalah tabung utama bagi urusan simpanan dan pengeluaran seperti sedia ada. Sementara itu, Tabung Istito'ah diwujudkan khusus untuk membantu pendeposit menyimpan secara sukarela dengan lebih berdisiplin dan berfokus ke arah persediaan menunaikan Haji, sekali gus menjadi penanda aras tahap kesiapsiagaan kewangan mereka selaras dengan prinsip Istito'ah.

“Melalui pendekatan yang lebih tersusun ini, perjalanan menuju Haji menjadi lebih berdisiplin, sistematik dan boleh dicapai. Pendeposit sedia ada juga diberikan tempoh lebih dua (2) tahun sehingga 31 Disember 2028 untuk memahami dan menyesuaikan diri dengan pendekatan baharu ini,” tambah Mustakim.

Menerusi Seruan Istito'ah, **TH** terus memperkukuh peranannya sebagai institusi simpanan Islam pilihan, selaras dengan aspirasi Almarhum Profesor Diraja Tan Sri Dr Ungku Aziz, serta sebagai institusi yang dipercayai dalam membimbing umat Islam Malaysia mencapai rukun Islam kelima. **-TAMAT-**



Seruan ***Istito'ah***

Pelan Persediaan Haji



Seruan Istito'ah

Pelan Persediaan Haji



Seruan Istito'ah diperkenalkan sebagai **Pelan Persediaan Haji** untuk membantu pendeposit dalam membuat persediaan untuk menunaikan ibadah haji dengan lebih mudah, ringkas dan lancar.




Kelayakan Giliran Haji Automatik kepada pendeposit yang memenuhi syarat simpanan tanpa perlu membuat pendaftaran secara manual.



Simpanan minimum **RM15,000** diperlukan untuk layak mendapat kelayakan giliran haji automatik.



Pendeposit yang telah mendaftar haji diberi tempoh sehingga 31 Disember 2028 untuk mencapai simpanan minimum yang ditetapkan.



Pengenalan Tabung Istito'ah untuk membantu membentuk disiplin simpanan dengan lebih terancang bagi mencapai sasaran simpanan haji.



Seruan Istito'ah

Pelan Persediaan Haji

Seruan Istito'ah diperkenalkan sebagai **Pelan Persediaan Haji** untuk membantu pendeposit dalam membuat persediaan untuk menunaikan ibadah haji dengan lebih mudah, ringkas dan lancar.



Pelaksanaan
Kelayakan Giliran
Haji Automatik



Pengenalan
Multi-Tabung



Seruan **Istito'ah**

Pelan Persediaan Haji

KELAYAKAN GILIRAN HAJI AUTOMATIK

Kelayakan Giliran Haji Automatik



Anda akan menerima **Kelayakan Giliran Haji Automatik** apabila mencapai simpanan minimum **RM15,000**.



Yang telah daftar haji, tempoh peralihan sehingga **31 Disember 2028** untuk mencapai jumlah RM15,000 bagi mengekalkan giliran haji sedia ada.



Bermula **1 Januari 2029**, kelayakan giliran haji akan diselaraskan berdasarkan pematuhan syarat simpanan minimum RM15,000.

Apa Perlu Buat Jika Sudah Daftar Haji?



Teruskan menyimpan sehingga mencapai minimum RM15,000



Masih ada masa sehingga 31 Dis 2028



Pelaksanaan giliran haji berdasarkan syarat simpanan minimum bermula 1 Jan 2029

Apa Perlu Buat Jika Belum Daftar Haji?



Simpan sehingga mencapai minimum RM15,000



Anda akan layak menerima **Kelayakan Giliran Haji Automatik**



Pelaksanaan giliran haji berdasarkan syarat simpanan minimum bermula 1 Jan 2029





Seruan Istito'ah

Pelan Persediaan Haji

MULTI-TABUNG


SATU AKAUN, DUA TABUNG

MULTI-TABUNG



SATU AKAUN, DUA TABUNG

Akaun **TH** anda kekal, kini diuruskan dengan dua fungsi berbeza



Manfaat kekal seperti sedia ada untuk kedua-dua tabung

MULTI-TABUNG

SATU AKAUN, DUA TABUNG



TABUNG AM




Tabung **utama** yang membolehkan transaksi simpanan & pengeluaran dilakukan serta-merta bagi memenuhi keperluan pendeposit, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh **TH**.



MULTI-TABUNG

SATU AKAUN, DUA TABUNG



TABUNG ISTITO'AH

Tabung yang mengukur tahap kesediaan kemampuan bakal haji bagi memupuk komitmen dan disiplin simpanan bagi mendapatkan kelayakan giliran haji berdasarkan prinsip istito'ah.



Seruan **Istito'ah**

Pelan Persediaan Haji

MULTI-TABUNG

PROFIL BAKAL HAJI

Profil Bakal Haji (BH)



dalam perjalanan mencapai impian haji



BH1

Telah Daftar Haji

RM1,300 daripada simpanan sedia ada anda yang sebelum ini diperuntukkan untuk pendaftaran haji akan dipindahkan ke Tabung Istito'ah, manakala baki simpanan akan kekal di Tabung Am.



Tabung Am

Tabung Istito'ah

RM15,000

Tempoh Peralihan

Anda diberikan tempoh peralihan sehingga **31 Disember 2028** untuk memastikan jumlah keseluruhan simpanan anda di **Tabung Am** dan **Tabung Istito'ah** mencapai **minimum RM15,000** bagi mengekalkan giliran haji sedia ada.

Giliran Haji



Diselaraskan bermula **1 Januari 2029** berdasarkan pematuhan syarat simpanan minimum RM15,000.

Profil Bakal Haji (BH)


dalam perjalanan mencapai impian haji



BH2

Telah Daftar Haji Melalui KWSP

RM5 daripada simpanan sedia ada anda akan dipindahkan ke **Tabung Istito'ah**, manakala baki simpanan akan kekal di **Tabung Am**.



RM15,000

Tempoh Peralihan

Anda diberikan tempoh peralihan sehingga **31 Disember 2028** untuk memastikan jumlah keseluruhan simpanan anda di **Tabung Am** dan **Tabung Istito'ah** mencapai minimum **RM15,000** bagi mengekalkan giliran haji sedia ada.

Giliran Haji



Diselaraskan bermula **1 Januari 2029** berdasarkan pematuhan syarat simpanan minimum RM15,000.

Profil Bakal Haji (BH)


dalam perjalanan mencapai impian haji



BH3

Belum Daftar Haji &
Simpanan Mencapai RM15,000

Pastikan jumlah keseluruhan simpanan anda di **Tabung Am** dan **Tabung Istito'ah** kekal minimum **RM15,000** dalam tempoh satu (1) bulan untuk melayakkan anda menerima **Kelayakan Giliran Haji Automatik**.



Setelah memenuhi syarat yang dinyatakan di atas, sejumlah **RM14,995** akan dipindahkan ke **Tabung Istito'ah** pada bulan berikutnya, manakala baki simpanan akan kekal di **Tabung Am**.



Tabung Istito'ah

RM14,995

Kelayakan Giliran Haji Automatik

Anda akan menerima **Kelayakan Giliran Haji Automatik** tanpa perlu membuat pendaftaran haji secara manual. Untuk mengekalkan kelayakan ini, pastikan minimum **RM14,995** berada di **Tabung Istito'ah** pada setiap masa.

Giliran Haji



Diselaraskan bermula **1 Januari 2029** berdasarkan pematuhan syarat simpanan minimum **RM15,000**.

Nota : Syarat simpanan minimum **RM15,000** merangkumi **RM14,995** di **Tabung Istito'ah** dan **RM5** yang kekal di **Tabung Am**

Profil Bakal Haji (BH)


dalam perjalanan mencapai impian haji



BH4

Belum Daftar Haji &
Simpanan Belum Mencapai RM15,000

Pastikan jumlah keseluruhan simpanan anda di **Tabung Am** dan **Tabung Istito'ah** kekal minimum **RM15,000** dalam tempoh satu (1) bulan untuk melayakkan anda menerima **Kelayakan Giliran Haji Automatik**.



Setelah memenuhi syarat yang dinyatakan di atas, sejumlah **RM14,995** akan dipindahkan ke **Tabung Istito'ah** pada bulan berikutnya, manakala baki simpanan akan kekal di **Tabung Am**.



Tabung Istito'ah

RM14,995

Kelayakan Giliran Haji Automatik

Anda akan menerima **Kelayakan Giliran Haji Automatik** tanpa perlu membuat pendaftaran haji secara manual. Untuk mengekalkan kelayakan ini, pastikan minimum **RM14,995** berada di **Tabung Istito'ah** pada setiap masa.

Giliran Haji



Diselaraskan bermula **1 Januari 2029** berdasarkan pematuhan syarat simpanan minimum **RM15,000**.

Nota : Syarat simpanan minimum RM15,000 merangkumi RM14,995 di Tabung Istito'ah dan RM5 yang kekal di Tabung Am



ALUMNI HAJI

Telah Menunaikan Haji

Giliran Haji



Anda **tidak** termasuk dalam **Kelayakan Giliran Haji Automatik** kerana telah menunaikan haji.



Teruskan menyimpan dan nikmati manfaat simpanan bersama TH.

Untuk urusan simpanan dan pengeluaran seperti biasa.



Tabung Am



Tabung Istito'ah

Boleh dimanfaatkan sebagai tabung simpanan jangka panjang bagi pelbagai matlamat kewangan seperti persediaan persaraan, pewarisan atau keperluan kewangan peribadi.

Pengeluaran daripada Tabung Istito'ah perlu dipindahkan terlebih dahulu ke Tabung Am, dengan proses pindahan yang tertakluk kepada tempoh **T+10 hari**.



TABUNG HAJI

لبيك اللهم لبيك

PERJALANAN TERAGUNG ANDA, AMANAH KAMI